

## Laporan Ketua Audit Negara

**21 Oktober 2009 (Rabu)**

### Sentral: PKNS gagal kutip sewa RM1.25 juta

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR: Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dilaporkan gagal mengutip sewa kedai di empat kompleks beli-belah miliknya sepanjang tempoh dua tahun lalu sehingga jumlah tunggakan sewa terkumpul yang direkodkan mencecah RM1.25 juta sehingga akhir tahun lalu.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata tunggakan sewa itu berpunca daripada kegagalan 233 daripada 676 penyewa membayar sewa premis sehingga melebihi 24 bulan. Katanya, ia juga disebabkan kelemahan pengurusan bangunan PKNS menguat kuasa syarat terkandung dalam perjanjian sewa selain faktor penyewa tidak mempunyai kedudukan kewangan kukuh untuk membayar sewa.

Kegagalan PKNS mengambil tindakan seperti yang disyaratkan dalam perjanjian menyebabkan penyewa bersikap tidak bertanggungjawab untuk membayar sewa. "Selain itu, PKNS terpaksa mengambil tindakan mahkamah terhadap penyewa yang mempunyai tunggakan sewa, sekali gus ia membabitkan tempoh masa yang lama serta kos guaman. "Premis yang masih dalam tindakan mahkamah pula tidak boleh disewakan, akibatnya PKNS menanggung kerugian kutipan hasil," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan, semalam.

Ambrin berkata, pecahan penyewa yang gagal melunaskan tunggakan sewa adalah 38 di Kompleks PKNS Bangi, 13 di Kompleks PKNS Kuala Selangor, Kompleks PKNS Shah Alam (146) dan Shah Alam City Centre (SACC) Mall (36). Katanya, tunggakan sewa bagi 36 penyewa di SACC Mall berjumlah RM554,620 manakala di Kompleks PKSN Shah Alam seramai 146 penyewa mempunyai tunggakan berjumlah RM453,304.

"Bagi Kompleks PKNS Kuala Selangor, tunggakan sewa melebihi 24 bulan berjumlah RM12,314 manakala tunggakan antara 13 hingga 24 bulan berjumlah RM4,311. Tunggakan sewa antara satu hingga tiga bulan berjumlah RM805,829, antara empat hingga enam bulan (RM223,197) dan antara tujuh hingga 12 bulan (RM206,629) di semua bangunan PKNS," katanya.

## **Laporan Ketua Audit Negara**

**22 Oktober 2009 (Khamis)**

### **Pengurusan hutan Pahang lemah**

PENGURUSAN hutan di Pahang masih kurang memuaskan kerana aktiviti yang dijalankan di Hutan Simpan Kekal (HSK) sama ada secara sah atau haram memberi impak negatif kepada alam sekitar. Sebagai contoh, projek ladang hutan di HSK Lesong, Rompin walaupun dilaksanakan dengan kelulusan tetapi kedudukannya yang terletak di tengah HSK berkenaan, memberi kesan serius terhadap alam sekitar walaupun ia bersifat sementara.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata kes pencerobohan Taman Negeri Tasik Chini di Pekan oleh pelombong dan penebangan pokok secara haram pula, memusnahkan ekologi Tasik Chini dan isi hutannya, manakala kegiatan perlombongan bijih besi berhampiran HSK Ibam yang tidak terkawal menyebabkan sebahagian HSK berkenaan, musnah. Beliau berkata, aktiviti pembalakan turut memusnahkan habitat semula jadi dan sumber makanan hidupan liar dalam kawasan hutan berkenaan sehingga menyebabkan kawasan penempatan, ladang dan dusun berhampiran kawasan itu menjadi tempat haiwan seperti gajah, harimau dan kera mendapatkan sumber makanan.

Keadaan itu, katanya, mengancam kehidupan penduduk serta merugikan penduduk akibat kemusnahan harta benda dan tanaman. "HSK diwujudkan untuk menjamin keseimbangan iklim termasuk memulihara kesuburan tanah, membekal sumber air serta memelihara flora dan fauna. Di Pahang saja, ada 1.562 hektar kawasan HSK tetapi tidak diuruskan dengan sempurna. "Contohnya, projek ladang hutan yang diwujudkan di Pahang membabitkan kawasan seluas 17,190.6 hektar menyebabkan kerosakan dan kepupusan flora dan fauna, malah pelaksanaan projek itu di kawasan seluas 1,214.1 hektar di HSK Lesong yang pembalakannya dilakukan secara 'tebang habis' tidak mempunyai Laporan Kesan Terhadap Alam Sekitar (EIA). "Selain itu, penggunaan bahan kimia seperti baja dan racun ketika membangunkan ladang hutan menyebabkan alam sekitar terjejas termasuk udara dan juga kualiti air," katanya.

Ambrin berkata, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) gagal menyediakan satu perancangan khusus dan komprehensif dengan mengambil kira impak terhadap alam sekitar sebelum melaksanakan projek ladang hutan. Beliau berkata, JPNP juga tidak mengetahui pencerobohan di kawasan seluas 20 hektar di HSK Ibam, Rompin dan ini membuktikan wujud kelemahan dalam menjalankan operasi penguatkuasaan dan pemantauan, serta tiada koordinasi antara jabatan berkaitan.

## **Laporan Ketua Audit Negara**

**22 Oktober 2009 (Khamis)**

### **Penyediaan penyata kewangan bertambah baik**

KUALA LUMPUR: Jabatan Audit Negara mendapati keseluruhan penyediaan penyata kewangan bagi Kerajaan Persekutuan, negeri dan Badan Berkanun Persekutuan sepanjang 2008 adalah bertambah baik.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata bagaimanapun bagi penyata kewangan badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) masih terlalu awal untuk memberikan sebarang pandangan mengenainya kerana tidak semua penyata kewangan diserahkan untuk pengauditan. "Didapati berlaku kelewatan dalam menyerahkan penyata kewangan oleh beberapa badan berkanun negeri dan PBT pada 2007 dan 2008 untuk pengauditan di beberapa negeri.

"Antara faktor yang menyebabkan kelewatan penyerahan penyata kewangan ialah rekod perakaunan tidak diseleng-garakan dengan sempurna, manakala bagi akaun PBT, kelewatan kerana Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) tidak menetapkan secara khusus tempoh penyerahan penyata kewangan untuk pengauditan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan menerusi laman web jabatan berkenaan, semalam.

Selain itu, Ambrin berkata, agensi kerajaan digesa mengambil iktibar daripada kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek dan aktiviti yang diketengahkan dalam laporan audit prestasi selaras prinsip akauntabiliti serta integriti dalam perkhidmatan awam.

Beliau berkata, pengauditan dilaksanakan merangkumi bidang seperti pembinaan, penyenggaraan, penguatkuasaan undang-undang, perolehan, pengurusan aset, pengurusan cukai, program peningkatan sosioekonomi, infrastruktur, alam sekitar, teknologi maklumat dan komunikasi serta pengurusan syarikat. "Penilaian ini berdasarkan 160 pengauditan prestasi yang dilaksanakan pada peringkat Persekutuan dan negeri sepanjang 2008 bagi menilai sejauh mana dana awam dibelanjakan dengan berhemat tanpa pemborosan dan pembaziran," katanya.

Ambrin berkata, setiap tahun jabatan itu menjalankan pengauditan prestasi bertujuan menilai sejauh mana pelbagai aktiviti dan projek kerajaan dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif asal aktiviti dan projek ini tercapai.

**28 Oktober 2009 (Rabu)**

## **Putrajaya Holdings bina asrama enam tingkat RM10j**

PUTRAJAYA Holdings Sdn Bhd semalam memeterai perjanjian dengan Taylor's Education Group bagi cadangan membina bangunan asrama bernilai kira-kira RM10 juta di Nexus World-School, Putrajaya. Kemudahan asrama enam tingkat itu dijangka siap sepenuhnya menjelang Ogos 2011, dan ia adalah antara rancangan pengembangan agresif Nexus World-School sejak mula dibuka pada September 2008.

Ketua Eksekutif Putrajaya Holdings, Datuk Azlan Abdul Karim, berkata perjanjian itu adalah tambahan kepada perjanjian pajakan selama 25 tahun yang dimeterainya dengan Nexus World-School tahun lalu. Katanya, Putrajaya Holdings adalah pemaju dan pemilik sekolah antarabangsa yang terletak di Presint 15, Putrajaya itu dan kemudahan berkenaan dibangunkan pada harga kira-kira RM60 juta.

"Kami ada berbincang dengan beberapa sekolah lain bagi rancangan membina bangunan asrama dalam usaha menarik lebih ramai ke kawasan Putrajaya, namun ia masih lagi di peringkat awal. "Ia sejajar hasrat menjadikan Putrajaya kawasan pembangunan bersepadu pilihan, di samping menyediakan pendidikan antarabangsa yang terbaik bagi menarik pelabur asing dan ekspatriat," katanya pada sidang media selepas majlis pemeterian perjanjian itu di Putrajaya, semalam.

Azlan mewakili Putrajaya Holdings manakala Nexus World-School oleh Pengarah Urusan Taylor's Education Sdn Bhd, Datuk Loy Teik Ngan. Ia disaksikan Pengurus Putrajaya Holdings, Datuk Ishak Imam Abas. Nexus World-School, sekolah antarabangsa pertama di Putrajaya, setakat ini mempunyai lebih 270 pelajar. Pembinaan asrama itu yang akan dilengkapi kemudahan jalur lebar tanpa wayar, dijangka menempatkan sehingga 140 pelajar.

Dalam pada itu, Azlan berkata, Putrajaya Holdings baru-baru ini menganugerahkan kontrak bernilai RM150 juta kepada Sunway Holdings Bhd bagi membina satu blok hotel tiga bintang dan podium yang dijangka siap sepenuhnya menjelang 2012. Katanya, hotel setinggi 16 tingkat berserta podium tiga tingkat itu akan dibina di Precint 1, Putrajaya yang terletak bersebelahan pusat beli belah Alamanda Putrajaya. Beliau berkata, pihaknya masih berbincang dengan beberapa syarikat perhotelan tempatan dan antarabangsa bagi mengendalikan operasi hotel berkenaan apabila ia siap kelak. "Pelbagai rancangan pembangunan bersepadu akan dilaksanakan termasuk cadangan membina pusat dagangan bersebelahan Alamanda dalam tempoh tiga hingga empat tahun akan datang," katanya.

**28 Oktober 2009 (Rabu)**

## **KPI ambil kira laporan audit**

**Laporan Anwar Hussin, Mohd Anwar Patho Rohman, Khairul Azran Hussin dan S Anand Kumar**  
**bhnews@bharian.com.my**

### **Langkah bantu tingkat khidmat kementerian, jabatan kerajaan**

KUALA LUMPUR: Laporan Ketua Audit Negara akan diambil kira dalam mengukur petunjuk prestasi utama (KPI) setiap kementerian dan jabatan kerajaan pada masa depan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon. Katanya, laporan itu akan membantu kerajaan membuat penilaian mengenai pencapaian perkhidmatan setiap kementerian dan agensinya, sekali gus memperbaiki segala kelemahan. "Memang masalah yang dilaporkan menerusi Laporan Ketua Audit Negara akan diambil kira sebagai petunjuk untuk membolehkan kita membuat penilaian dalam aspek kekurangan yang masih wujud," katanya di lobi Parlimen, semalam.

Koh juga berkata, selain pembabitan Pemandu, pemantauan terhadap pencapaian setiap kementerian dan jabatan terbabit akan dilaksanakan sendiri oleh menteri dan Ketua Setiausaha (KSU) kementerian berkenaan. Beliau berkata, walaupun laporan audit melaporkan apa yang berlaku pada tahun sebelumnya, kerajaan boleh mengambil kira perkara itu supaya tumpuan dapat diberikan untuk mempertingkatkan keberkesanannya pencapaian dan penyampaian perkhidmatan setiap kementerian dan jabatan mengikut Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) masing-masing.

Selain itu, Koh berkata, semua kementerian dan jabatan yang mendapat teguran dalam laporan audit berkenaan perlu memberi maklum balas kepada Ketua Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC). Katanya, perkara itu prosedur yang perlu dilaksana oleh semua kementerian dan jabatan yang ditegur berhubung prestasi mereka.

**28 Oktober 2009 (Khamis)**

## **Timur: Buka segera kompleks LKIM Tok Bali**

**Oleh Ramli Hussin** **bhkb@bharian.com.my**

**Persatuan nelayan bimbang tiada tempat selamat untuk labuh bot berikutan musim tengkujuh**

TOK BALI: Persatuan Nelayan Semarak mahu kompleks pendaratan ikan yang dibangunkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini dibuka segera dan tidak lagi ditangguhkan dengan pelbagai alasan. Pengerusinya, Datuk Mohd Jelani Jaafar, berkata nelayan mahu kompleks itu dibuka selepas sekian lama bersabar kerana ingin menikmati pembangunan sebenar.

"Nelayan di sini serta dari Besut, Bachok, Kota Bharu dan Tumpat, selain Semerak kini terpaksa mendaratkan tangkapan mereka di jeti persendirian di merata tempat dalam keadaan yang tidak selesa setiap hari kerana tiada kemudahan disediakan oleh kerajaan seperti di Terengganu dan Pahang," katanya ketika ditemui kelmarin.

Mohd Jelani berkata, keadaan lebih memerlukan apabila tiba musim tengkujuh setiap tahun ekoran tiada tempat lebih selamat untuk melabuhkan bot masing-masing daripada dilambung ombak besar selain di Tok Bali. Kompleks itu dilengkapi pelbagai kemudahan asas terutama pusat pendaratan, kemudahan dermaga, kilang pemprosesan, pusat jualan, jeti bekalan minyak dan pejabat pentadbiran, akan mengubah taraf hidup nelayan setempat yang kini di belenggu kemiskinan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah LKIM, Mohad Khazin Hamzah, berkata kompleks itu dijadualkan beroperasi bulan ini, tetapi ditunda selewat-lewatnya awal tahun depan ekoran masalah teknikal. "Pendawaian elektrik belum selesai," katanya ketika meninjau kompleks berharga lebih RM80 juta yang dibina menerusi beberapa fasa itu, terletak kira-kira satu kilometer dari pantai dengan menyusuri Terusan Semerak, mula dibina sejak lima tahun lalu membabitkan kawasan lebih 40 hektar.

Mohad berkata, kompleks itu dijangka dilanggani lebih 1,000 orang sehari terdiri pemborong yang datang dari seluruh Kelantan dan sebahagian Terengganu untuk mendapatkan bekalan ikan segar. Beliau berkata, ia sangat berpotensi dan mampu mengatasi kompleks-kompleks LKIM di Kuantan dan Terengganu, berdasarkan beberapa kelebihan terutama berupaya mendaratkan ikan dengan jumlah besar. Katanya, ada antara 300 hingga 400 buah bot laut dalam, tidak termasuk bot nelayan pantai yang kini mendarat di merata tempat akan diwajibkan mendaratkan di situ sebaik ia beroperasi.

Mohad berkata, selain itu ia beroperasi di kawasan yang lebih menarik dengan membabitkan kawasan lebih 40 hektar berbanding 10 hektar di Kuantan. Katanya, kompleks itu juga akan menyediakan peluang lebih besar kepada nelayan miskin bekerja di situ, selain berpeluang menceburi perniagaan, di mana penempatan mereka menerusi Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang dibangunkan dengan kos RM27 juta dijangka siap tidak lama lagi.

**29 Oktober 2009 (Jumaat)**

## **Sentral: Bangunan KTMB terbakar**



**KEBAKARAN di Ibu Pejabat KTM Berhad.**

### **Dokumen Pejabat Jabatan Barang musnah akibat litar pintas**

KUALA LUMPUR: Pejabat Jabatan Barang di Bangunan Ibu Pejabat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Jalan Sultan Hishamuddin di sini, terbakar percaya akibat litar pintas menyebabkan pelbagai dokumen di situ musnah dalam kejadian awal pagi semalam. Kebakaran berlaku di bilik simpanan dokumen di bahagian mezanin di tingkat bawah bangunan bersejarah itu dan dikesan anggota polis bantuan syarikat itu jam 1.33 pagi. Ia dipercayai kebakaran kedua sekjak bangunan yang terletak di sebelah Masjid Negara, siap dibina pada 1917. Kebakaran pertama, yang dicatatkan sebagai satu daripada dua kerosakan besar pernah terjadi di bangunan menjadi tumpuan pelancong itu berlaku di tingkat dua bahagian utaranya pada 14 November 1968. Satu lagi kerosakan besar berlaku ketika Perang Dunia Kedua apabila bahagian sama terkena bom.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan, Penguasa Kanan Bomba Azizan Ismail, berkata tiga jentera bersama 30 anggota dari Balai Hang Tuah dan Sentul serta dibantu sebuah bomba sukarela Bukit Bintang tiba di lokasi kejadian jam 1.40 pagi. Katanya, ketika tiba asap tebal menyelubungi bangunan itu dan anggotanya terpaksa memakai alat pernafasan memasuki bangunan itu bagi memadamkan kebakaran. "Api berjaya dikawal 40 minit kemudian dan kejadian itu menyebabkan dua atau tiga rak dokumen KTMB musnah. "Kejadian itu mungkin berpunca litar pintas atau lampu dan siasatan lanjut akan dibuat bagi mengenal pasti punca sebenar," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian di sini, semalam.

Bangunan KTMB itu direka bentuk arkitek British, A B Hubbock pada 1913 dan mula dibina setahun kemudian oleh kontraktor tempatan yang menyiapkannya pada 1917, setelah kerja pembinaannya tergendala akibat Perang Dunia Pertama (1914-1918). Bangunan itu unik dengan reka bentuk 'Moor' yang mencerminkan keagungan 'Ottoman' dan 'Mogul' pada abad ke-13 serta pengaruh reka bentuk 'Gothe' dan 'Yunani' pada abad ke-14. Sementara itu, Pengurus Komunikasi Korporat KTMB, Mohd Fazil Ismail berkata, dokumen yang terbakar berkaitan urusan syarikat dan pelanggan dalam urusan kargo seluruh negara. "Dokumen yang musnah itu termasuk yang baru dan lama," katanya.

**31 Oktober 2009 (Sabtu)**

**Siasat laporan audit**

Oleh Johari Ibrahim joib@bharian.com.my

**Pasukan khas teliti salah laku, ketirisan di jabatan kerajaan**

PUTRAJAYA: Kerajaan menubuhkan jawatankuasa petugas untuk mengkaji Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyalahgunaan kuasa serta penyelewengan dan mencadangkan tindakan undang-udang dan tindakan peringkat jabatan terhadap mereka yang terbabit. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata jawatankuasa itu akan diketuai Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan dianggotai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam dan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang.

Turut dijangka menganggotainya ialah Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail dan wakil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Najib berkata, penubuhan pasukan petugas itu diluluskan oleh Kabinet yang bermesyuarat semalam, selaras dengan pendekatan budaya prestasi tinggi yang menjadi salah satu teras serta matlamat kerajaan. "Ia untuk meneliti segala dapatan dalam laporan Laporan Ketua Audit Negara, khususnya yang membabitkan salah guna kuasa dan penyelewengan serta menentukan apa tindakan yang wajar diambil terhadap mereka yang melakukan sebarang kesalahan.

"Tujuannya bukan untuk mencari kesalahan, sebaliknya menentukan mana-mana pihak yang sengaja melakukan kesalahan tidak terlepas daripada tindakan," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini. Najib berkata, tindakan yang akan dikenakan bukan semata-mata daripada segi undang-undang, tetapi dalam bentuk pentadbiran seperti dikenakan surcaj, turun pangkat dan tahan pangkat atau sekurang-kurangnya dipindahkan ke tempat lain.

Sambil memberi jaminan tindakan yang bakal diambil akan adil dan saksama, beliau berkata ia turut membabitkan anggota pentadbiran jika didapati memberikan arahan yang tidak munasabah. "Kalau dalam keadaan memerlukan, kita akan memberikan ehsan supaya tindakan tidak terlalu keras, tidak ada pertimbangan atau tidak ada perikemanusiaan sama sekali. "Kita hendak menjurus kepada budaya prestasi tinggi. Maknanya penjawat awam yang menunjukkan prestasi cemerlang akan diberi ganjaran dan diiktiraf, manakala mereka yang cuai dan salah guna kuasa akan diambil tindakan," katanya.

Beliau juga berkata jabatan yang didapati melakukan kesalahan akan diminta memberikan penjelasan sebelum sebarang tindakan diambil. Perdana Menteri berkata jawatankuasa itu akan mengadakan mesyuarat pertama Isnin ini bagi mengkaji laporan berkenaan secara berperingkat, termasuk isu yang serius dan mempunyai kuasa memanggil sesiapa saja untuk memberikan keterangan. "Bagi kes penyelewengan yang sukar dilihat dari segi

tindakan undang-undang tetapi kesalahan memang berlaku, kita akan mengambil tindakan daripada segi pentadbiran," katanya.

Menjawab soalan, Najib berkata tindakan kerajaan itu tidak akan menyebabkan penyelewengan sifar tetapi yakin jumlah dan kekerapan kesalahan akan berkurangan. "Biar kita realistik. Ia tidak boleh menjadi sifar (tetapi) kita akan tunjuk kesungguhan dan saya percaya ia akan bawa kepada pengurangan yang ketara dari segi penyalahgunaan kuasa," katanya.